

# Minyak diesel gantikan kayu api...

Oleh ZAHANY SULONG

KOTA BAHRU, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed) berkata, Lembaga Tembakau Negara (LTN) akan mengadakan sistem pengawitan moden bagi mengeringkan daun-daun tembakau dengan menggunakan kuasa diesel menggantikan penggunaan kayu yang dilakukan sekarang.

Katanya, LTN sedang membuat kajian penggunaan kuasa diesel sekarang.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya di majlis perasmian mesyuarat agung keenam Dewan Pengawit Tembakau Malaysia di sini hari ini.

Ucapan beliau disampaikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Encik Abu Hassan Haji Omar.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dengan penggunaan teknologi moden dan kuasa diesel, kos pengeluaran tembakau akan dapat dikurangkan.

Beliau menyatakan, sekarang ini pengawit tembakau menghadapi kesulitan kerana kekurangan kayu api untuk mengering daun-daun tembakau yang hendak diawit.

Katanya lagi, masalah ini akan menjadi rumit dalam masa dua atau tiga tahun lagi kerana kekurangan kayu api yang semakin serius sekarang.

Beliau berharap bantuan dan kredit itu digunakan dengan betul untuk menghasilkan mutu tembakau yang tinggi.

"Jika disalahgunakan bantuan dan kredit, bukan Kerajaan sahaja yang tidak akan mencapai matlamatnya, penanam sendiri yang akan rosak pencarian.

Beliau puashati dengan aktiviti pengawit kerana mewujudkan 25,000 pekerjaan di stesyen pengawit dan di ladang.

"Mereka ini diberi gaji antara \$1,000 hingga \$2,000 sebulan mengikut kemahiran masing-masing," tambahnya.

Beliau berkata, LTN mengatur berbagai aspek rancangan bagi memodenkan lagi industri tembakau termasuklah penyediaan latihan, perkembangan dan perkilangan.

Tambahnya, sebuah pusat latihan dan kajian berharga \$5 juta telah didirikan di Pasir Mas, Kelantan bagi melatih penanam dan membuat kajian kawasan-kawasan baru dan kawasan-kawasan yang sudah ditanam.

Menurutnya, hasil kajian tersebut beribu ekar tanah di sepanjang pantai kawasan pantai timur didapati sesuai untuk tanaman tembakau.

Menurut beliau, pengawit-pengawit tembakau terpaksa membelanjakan peruntukan yang tinggi bagi mendapatkan kayu api.

Katanya, dalam masa setahun, 50,000 pasung kayu berharga kira-kira 3.5 juta ringgit dikehendaki.

"Sekiranya penggunaan kuasa diesel dapat dipercepatkan masalah itu akan diatasi dan kos pengeluaran akan dapat dikurangkan bagi meringankan beban pengawit dan menambah pendapat 120,000 penanam.

Datuk Seri Mahathir berkata, hasil tembakau tahun ini \$65 juta, \$40 juta darinya diperolehi oleh penanam.

## Tak adil

Katanya lagi, Kerajaan bersedia untuk menambah lebih banyak lagi peruntukan bagi memajukan perusahan ini dimasa akan datang.

Menurutnya, kerajaan juga menguntukkan \$1 juta untuk memberi kredit plastik dan \$500,000 lagi untuk kredit kelengkapan penanam.

Beliau menyatakan LTN, juga mengadakan sekim kredit dan bantuan baja kepada penanam tembakau.

Sementara itu, Dewan Pengawit Tembakau Malaysia hari ini mendesak Kerajaan supaya memberi kuasa lebih luas kepada Lembaga Tembakau Negara

(LTN) untuk mendapatkan keterangan yang sebenar kos pengeluaran pengilang.

Desakan ini dibuat oleh Yang Dipertua Dewan itu, Haji Ariffin Salleh.

Katanya, akta LTN hendaklah segera dipinda bagi membolehkan Lembaga itu mempunyai kuasa lebih luas lagi.

Katanya, 120,000 orang penanam tembakau dan pengawit berpendapat sistem pembahagian hasil tembakau sekarang tidak adil.

Menurutnya, dari satu paun daun tembakau, penanam hanya mendapat 68 sen, pengawit 44 sen dan pengilang mendapat \$13.

Beliau mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan stok penimbal daun tembakau bagi mengelakkan sistem pemasaran tertutup dan monopoli.